

TARIKH : 4.1.2020
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 19

PETRONAS timbang penjualan bon global

Minta beberapa bank hantar cadangan dalam denominasi dolar bulan lalu

Firma minyak dan gas negara, PETRONAS mempertimbangkan penjualan bon global buat kali pertama dalam tempoh hampir lima tahun, demikian menurut individu yang mempunyai pengetahuan mengenai perkara itu.

PETRONAS sudah meminta beberapa bank menghantar cadangan bagi bon dalam denominasi dolar itu bulan lalu dan dijangka memilih penasihat dalam masa terdekat ini, kata individu berkenaan yang enggan perkataan.

dikenali kerana perbincangan terabit adalah sulit.

Kali terakhir gergasi minyak dan gas itu meneroka pasaran global pada 2015 apabila ia menjual bon dolar bernilai AS\$5 bilion.

Potensi penjualan bon itu berlaku ketika kos menjamin hutang berdaulat Malaysia berada pada paras terendah dalam tempoh lebih sedekad.

Ringgit mengukuh 1.6 peratus berbanding dolar sejak bulan lalu, menjadikannya mata wang mencatatkan prestasi kedua terbaik di Asia.

PETRONAS bergantung kepada benua Amerika untuk membantu menambah rizab dan mengekalkan kadar pengeluarannya, kata Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Wan Zulkifle Wan Ariffin pada satu temu bual, April lalu.

Syarikat milik kerajaan itu akan memperuntukkan bahagian lebih besar bagi perbelanjaan modal akan

datangnya bagi projek di Kanada hingga Brazil, pada ketika ia menyelesaikan projek penapisan dan petrokimia di Pengerrang, katanya ketika itu.

Masih belum ada keputusan akhir mengenai saiz dan tempoh masa cadangan penjualan bon global itu kerana pertumbangannya masih berterusan, kata individu berkenaan.

PETRONAS masih boleh membuat keputusan untuk tidak meneruskan terbitan bon berkenaan, katanya.

Seorang wakil PETRONAS tidak memberikan maklum balas segera untuk mendapatkan kenyataan.

Moody's Investors Service memberikan penarafan AS kepada PETRONAS, gred pelaburan keenam tertinggi dan setahap lebih tinggi daripada penarafan berdaulat Malaysia.

PETRONAS mempunyai enam baki bon dolar bernilai keseluruhan AS\$6.5 bilion, dengan AS\$1.25 bilion daripada nota berkenaan dijangka matang pada 18 Mac ini, demikian menurut data dikumpulkan oleh Bloomberg. BLOOMBERG



Fakta Nombor

AS\$5b

nilai penjualan bon PETRONAS 2015